

Headline	Kerajaan rancang bangunkan sukan di IPT
Date	26. Apr 2008
Media Title	Utusan Malaysia
Section	Sukan
Circulation	238082
Readership	833287
Language	MALAY
Page No	31
Article Size	163 cm²
Frequency	Daily
Color	Full Color



Kerajaan rancang bangunkan sukan di IPT

PUTRAJAYA - Kementerian Pengajian Tinggi sedang dalam proses untuk memperkemaskan rangka Dasar Pembangunan Sukan bagi institusi pengajian tinggi, kata menterinya, Datuk Seri Mohamed Khaled Nor di bawah (gambar).

"Kertas kerja mengenai dasar berkenaan sudah pun siap. Kita (kementerian) akan adakan satu bengkel bagi merangka dasar itu Mei ini.

"Kita melihat bidang sukan juga perlu diberi perhatian oleh kementerian supaya dapat dijadikan amalan di semua IPT (secara seragam) di negara ini," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat kedua Jawatankuasa Industri Sukan Universiti ASEAN di sini, semalam.

Khaled berkata, sebelum ini Program Pembangunan Sukan hanya diadakan di peringkat universiti tertentu sahaja dari kini kementerian mengambil inisiatif untuk membentuk satu dasar untuk digunakan dan menjadi rujukan semua universiti, sekali gus mewujudkan budaya sukan di kalangan penuntut.

Tentang Sukan Universiti Asean, Khaled berkata, pengajuran temasya berkenaan diharap menjadi pemangkin untuk menghidupkan budaya sukan dan melahirkan lebih ramai pelajar IPT yang cemerlang dalam bidang sukan dan akademik.

Katanya, Kementerian dan Majlis Sukan Universiti-Universiti Malaysia (Masum) telah mengenal pasti atlet yang bakal membawa cabaran negara pada tema-

sya yang akan berlangsung dari 11-21 Disember ini..

Beliau turut berasa bangga memandangkan seramai enam atlet dari Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya melayakkan diri secara merit untuk mewakili negara di Sukan Olimpik Beijing, Ogos depan.

Mereka ialah Roslinda Samusu (olahraga), Chew Chee Chan dan Elaine Teoh (taekwondo), Cheng Chu Sian dan Wan Mohd. Khalimizan Wan Abdul Aziz (memanah) dan Leong Mun Yee (terjun).

Menurut Khaled, upacara perasmian temasya dwitahunan itu akan dilakukan oleh Perdana Menteri Datuk, Seri Abdullah Ahmad Badawi pada 13 Disember ini dan majlis penutup disempurnakan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak pada 21 Disember.

"Temasya ini akan mempertandingkan 21 jenis sukan dengan menawarkan 207 pingat emas," katanya.

Pada edisi ke-13 temasya di Vietnam dua tahun lalu, kontingen negara berada di tangga keempat keseluruhan di belakang tuan rumah, Thailand dan Indonesia selepas meraih tujuh pingat emas, 19 perak dan 37 gangsa.

Malaysia diberi penghortaman untuk kali ketiga menjadi pengajur temasya sukan itu dengan kali pertama ialah pada 1981, di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi dan kali kedua di Universiti Teknologi MARA (UITM), Shah Alam pada 1994.

